

Bebas keterlaluan punca runtuh akhlak

29 JAN 1994

BUKIT KAYU HILAM 28 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, kebebasan yang melampaui batas adalah punca utama menyebabkan berlaku keruntuhan akhlak dan kehancuran institusi keluarga di negara-negara maju.

Beliau berkata, banyak negara maju rosak kerana terlalu taksab kepada kemewahan hidup dan kebebasan sehingga mereka lupa kepada pendidikan keagamaan dan kerohanian.

Menurutnya, negara-

negara itu terlalu menekankan kebebasan semata-mata, sehingga rakyatnya menjadi bebas untuk tidak lagi mengamalkan kesopanan dan tatasusila dalam kehidupan seharian.

Sebab itulah, kata Perdana Menteri, masyarakat di negara berkenaan menghadapi krisis nilai hidup seperti keruntuhan akhlak, kehancuran institusi perkahwinan dan kekeluargaan serta tidak menghormati ibu bapa dan orang tua.

Dr. Mahathir berkata demikian pada majlis perletakan batu asas masjid

bandar Bukit Kayu Hitam, Changlun, berharga kira-kira RM1.5 juta, di sini hari ini.

Kehancuran

Beliau menegaskan, keadaan itu lambat-laun akan mengakibatkan kehancuran kehidupan berkeluarga di negara tersebut apabila mereka tidak lagi mempunyai pegangan kepada nilai-nilai kerohanian.

Risiko yang dihadapi itu, kata Dr. Mahathir, adalah jelas berpunca daripada sikap terlalu mencejarkan kebebasan dan kemewahan hidup sehingga

kita dapat juga melaksanakan projek seperti itu," tegas beliau.

Perdana Menteri turut

mereka lupa kepada nilai-nilai murni dalam hidup berkeluarga.

Berikutan itu, kata beliau, kerajaan memberi keutamaan kepada projek yang berkaitan dengan aspek kerohanian seperti pembinaan masjid, surau dan rumah-rumah ibadat bagi mengelak rakyat negara ini terdedah kepada bahaya serupa.

Tegasnya, kerajaan tidak pernah mengabaikan pembangunan kerohanian di tengah-tengah kesungguhan untuk menjadi negara maju sebagaimana matlamat Wawasan 2020.

menggesa umat Islam melengkapkan pengetahuan dan ilmu yang membolehkan mereka mengguna-

Terdahulu itu, Perdana Menteri menegur masyarakat Islam kerana mahu kerajaan membina masjid yang besar dan cantik, tetapi tidak sanggup berusaha mencari wang untuk memenuhi kehendak itu.

Mencukupi

Menurutnya, kerajaan juga menghadapi masalah kerana bayaran cukai dan zakat daripada masyarakat Islam sendiri tidak mencukupi untuk tujuan itu.

"Tetapi kerana ada orang lain yang membayar cukai kepada kerajaan,

kan kepakaran sendiri dalam projek membina masjid, tanpa bergantung kepada kepakaran asing.